

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## **TIDAK PATUH SOP: 2 TAPAK BINA DI SARAWAK DAN 1 PERAK DITUTUP, TIADA KELULUSAN MITI: 1 TAPAK BINA DI JOHOR DIARAH TUTUP**

15 Julai 2021

### **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: SARAWAK**

Satu Operasi Penguatkuasaan Khas CIDB Cawangan Sibu telah diadakan terhadap projek pembinaan saliran dan tembok serta pencawang elektrik di Sibu, Sarawak. Operasi penguatkuasaan ini turut disertai oleh PDRM.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 2 tapak:

- **2 tapak bina tidak patuh SOP**

**Kesalahan yang didapati:**

- Tidak mempamerkan Kod QR MySejahtera
- Tiada senarai nama kehadiran pekerja
- Tiada rekod saringan suhu pekerja
- Jumlah pekerja melebihi 60%

**Tindakan CIDB Cawangan Sibu:**

- Notis N3E/2021: Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)

### **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: PERAK**

Satu Operasi Pemeriksaan Tapak Bina oleh CIDB Perak telah dijalankan di Daerah Manjung, Perak.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 8 tapak:

- 6 tapak bina tidak beroperasi

- 1 tapak bina beroperasi dan patuh SOP yang ditetapkan
- **1 tapak bina tidak patuh SOP**

**Tapak bina tersebut** telah diarahkan untuk **menghentikan operasi** serta merta oleh Penguatkuasa CIDB Perak kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan oleh KKM.

#### **Kesalahan yang didapati:**

- Pengisytiharaan untuk kebenaran beroperasi (MITI) didapati bercanggah di tapak beroperasi
- Tiada penginapan pekerja yang disediakan di tapak bina

#### **Tindakan CIDB Perak:**

- Notis N3E/2021: Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)

### **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: JOHOR**

Satu Operasi Penguatkuasaan Khas CIDB Negeri Johor telah diadakan terhadap **satu projek pembinaan** 2 buah menara yang terdiri dari pembinaan 22 tingkat pangsapuri dan 12 tingkat hotel. Pemeriksaan ini dijalankan berdasarkan aduan yang diterima di mana kontraktor yang menjalankan kerja tanpa kelulusan daripada MITI. CIDB Negeri Johor, Jabatan Kerajaan Negeri (JKN) Daerah Johor Bahru, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Johor dan PDRM terlibat dalam operasi penguatkuasaan ini.

#### **Kesalahan yang didapati:**

- Tiada surat kelulusan MITI untuk memulakan kerja
- Tiada rekod saringan suhu pekerja

#### **Tindakan CIDB Johor:**

- Notis N2/2015: Mengemukakan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan (kontraktor)
- Notis N3E/2021: Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)

### **LATAR BELAKANG**

Sebanyak 217 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sebanyak 5,214 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 1,004 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 4,210 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 1,004 tapak yang beroperasi, didapati 217 tapak pembinaan (22%) tidak mematuhi SOP, manakala 787 (78%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 217 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 50 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 217 tapak pembinaan yang ditutup, sebanyak 61 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (46), Kuala Lumpur (17), Melaka (17), Johor (16), Sabah (13), Pulau Pinang (11), Pahang (9), Negeri Sembilan (8), Terengganu (6), Perak (5), Kedah (3), Perlis (3) dan Kelantan (2).

Manakala 50 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Sarawak (15), Selangor (9), Melaka (9), Terengganu (4), Perak (4), Kuala Lumpur (3), Johor (2), Kelantan (1), Sabah (1), Pulau Pinang (1) dan Kedah (1).

## **PERINGATAN**

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PPN** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

####





